

‘Tukar pengurusan kanan, audit forensik antara syarat kerajaan’

Suntikan RM1.1b kepada SEB bukan berbentuk ‘dana hangus’, perlu dibayar semula

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pengurusan kanan Sapura Energy Bhd (SEB) perlu ditukar dan pelaksanaan audit forensik adalah antara syarat ditetapkan kerajaan sebelum suntikan dana RM1.1 bilion diberikan kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, suntikan dana itu bukan untuk menyelamatkan individu tertentu atau pengurusan tertinggi syarikat, sebaliknya membantu vendor yang terkesan akibat masalah kewangan dihadapi SEB.

“Ini bukan *bailout* atau menyelamatkan syarikat besar, pengurusan kanan semua mesti keluar (diganti) itu cara kita.

“Kita memastikan semua siasatan, termasuk terhadap kemungkinan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, diteruskan. Itu bukan urusan kita. Yang penting adalah memastikan vendor mendapat hak mereka,” katanya berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, keputusan itu dibuat selepas melalui proses ketat termasuk pelaksanaan audit forensik oleh firma perakaunan antarabangsa Ernst & Young (EY) bagi mengenal pasti masalah sebenar dalam syarikat berkenaan.

“RM1.1 bilion itu khusus kepada vendor. Daripada sekitar 2,000 vendor, 80 peratus adalah vendor Bumiputera. Bagaimana harus mereka dihukum? Ini adalah hak mereka yang perlu dibayar.

“Kalau kita biarkan Sapura Energy muflis, apa jadi? Ini satu-satunya syarikat minyak dan gas Malaysia yang boleh beroperasi di bawah pelaksanaannya. Jika ditutup, seluruh kegiatan hiliran ataupun peringkat bawah pelaksanaannya akan diserahkan kepada syarikat asing,” katanya.

Perdana Menteri berkata, suntikan sebanyak RM1.1 bilion kepada SEB bukan berbentuk ‘dana hangus’, sebaliknya pinjaman yang perlu dibayar semula syarikat itu.

“Apakah dana ini dana hangus? Tidak. Apa yang dilakukan ialah suntikan ini akan dijadikan modal pinjaman supaya pengurusan baharu mudah-mudahan akan mengurus dengan lebih baik.

“Apabila (SEB) mendapat keuntungan, (mereka) membayar semula dana suntikan itu, pulangkan (semula) RM1.1 bilion, jadi ini bukan suntikan dana tetapi dilaksanakan dalam bentuk pinjaman,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penstrukturan semula SEB sudah melalui kelulusan pemiutang serta proses mahkamah, manakala suntikan kerajaan bukannya geran tetapi pelaburan ke arah memulihkan ekosistem minyak dan gas (O&G) yang strategik untuk ekonomi negara.

“Suntikan modal ini adalah sebahagian daripada usaha penstrukturan semula SEB dan ia adalah untuk membantu dan me-



Anwar bersama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying beramah mesra dengan kakitangan Kementerian Kewangan pada Majlis Perjumpaan Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

nyelamatkan pekerja tempatan yang sekian lama tidak menerima bayaran bagi perkhidmatan mereka.

“Ia juga penting untuk menyelamatkan ekosistem industri minyak dan gas tempatan. Amat penting untuk ditegaskan bahawa suntikan modal ini juga tidak sama sekali memanfaatkan pemegang saham atau pengurusan SEB,” katanya.

Anwar berkata, beliau kekal dengan pendirian menolak konsep *bailout* seperti sebelum ini.

“Tetapi dalam kes ini, kita membuat pertimbangan dengan teliti, mengambil kira kepentingan vendor tempatan dan memastikan pengurusan baharu yang lebih baik diterapkan.

Pelaburan RM1.1 bilion dalam Sapura Energy bukan ‘bailout’



Keratan akhbar BH, semalam.

“Jangan kata Anwar telah mengkhianati amanah dan menjadi alat kepada korporat. Itu pembbohongan kerana kedangkalan ilmu dan keengganan mendapat fakta yang betul.

“Bila kita tegur dan kritik Sapura Energy tiga, empat tahun dahulu, mungkin saudara ingat debat saya dengan Datuk Seri

Najib Tun Razak. Saya kata jangan *bailout*,” katanya.

Dalam kenyataan pada Selasa lalu, SEB menjelaskan pihaknya telah memperoleh pelaburan RM1.1 bilion menerusi langganan saham pinjaman boleh tebus boleh tukar (RCLS) pada nilai nominal oleh Malaysia Development Holding Sdn Bhd (MDH).

MDH, sebuah syarikat tujuan khas Menteri Kewangan (Diperbadankan), menetapkan hasil langganan itu hanya akan digunakan untuk penyelesaian atau pembayaran liabiliti yang terhutang oleh SEB Group kepada penyedia perkhidmatan Malaysia yang beroperasi dalam atau menyokong sektor minyak dan gas di Malaysia.